



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

26 FEBRUARI 2024 (ISNIN)

Polis siasat lelaki disyaki rotan anjing peliharaan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	34	26 Feb

Polis siasat lelaki disyaki rotan anjing peliharaan

JOHOR BAHRU: Polis mengambil keterangan daripada seorang lelaki yang disyaki mendera anjing peliharaannya seperti yang tular dalam laman sosial Facebook, dua hari lalu.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintenden Mohd. Sohaimi Ishak berkata, pihaknya sedang melengkapkan siasatan kes tersebut untuk tindakan selanjutnya selepas menerima laporan daripada seorang wanita yang mendakwa melihat kejadian itu.

“Siasatan awal mendapati kejadian berlaku kira-kira pukul 9.30 malam, Khamis lalu di sebuah taman perumahan dekat Taman Johor Jaya,” katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Menerusi video itu, kelihatan seorang lelaki memukul anjingnya dengan menggunakan rotan berulang kali di pekarangan sebuah rumah dan mengheret haiwan itu dalam keadaan marah sebelum dibawa masuk ke dalam rumah.

Kes disiasat di bawah Seksyen 428 Kanun Keseksaan, Seksyen 29 (1) (a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

WALAJARAN

Lelaki rotan anjing peliharaan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	12	26 Feb



TANGKAP layar video kejadian seorang lelaki dipercayai merotan anjing peliharaan di Taman Perumahan Johor Jaya, Johor Bahru baru-baru ini.

Lelaki rotan anjing peliharaan

JOHOR BAHRU – Polis sedang menyiasat berhubung video tular seorang lelaki dipercayai mendera seekor anjing peliharaan di Taman Perumahan Johor Jaya, di sini baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Mohd. Sohaimi Ishak berkata, pihaknya mengesan kejadian pada Khamis lalu itu menerusi satu video berdurasi 28 saat dan susulan laporan dibuat seorang wanita tempatan berusia

49 tahun.

"Video berdurasi 28 saat memaparkan kejadian seorang individu merotan anjing peliharannya tular di Facebook sejak kelmarin.

"Hasil siasatan awal mendapati, kejadian berlaku di kawasan Taman Perumahan Johor Jaya kira-kira pukul 9.30 malam, Khamis lalu," katanya dalam kenyataan di sini.

Menurutnya, kes disiasat

mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan yang mana jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman tiga tahun penjara atau dengan denda atau kedua-duanya sekali.

Kes turut disiasat mengikut Seksyen 29 (1) (a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Fighter cock Mongkut rules the roost in style

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TheStar	Nation	11	26 Feb



Prized bird: Members of the jury assessing Mongkut during the National Ayam Ratu Competition at a mall in Kota Baru. — Bernama

Fighter cock Mongkut rules the roost in style

KOTA BARU: A fighting rooster or Ayam Ratu named Mongkut has been crowned the overall champion at the National Ayam Ratu Competition organised by the Kelantan Ayam Ratu Fans Association (PARK), defeating 102 other competitors.

Its owner, Roshairi Izwan Sulaiman, 36, said his beloved Leung Hang Khao (LHK) breed bird had been courted many times by enthusiasts with offers of up to RM18,000.

"Many people are interested in owning Mongkut but I don't intend to sell because he is very special to me and brings me a lot of luck.

"It's been four years since I bred Mongkut and we are like friends, and I take care of him as best I can," he told Bernama at a programme officiated by state culture, arts and heritage tourism


committee chairman Datuk Kamarudin Md Nor here yesterday.

Roshairi Izwan said Mongkut also won first place in the adult LHK category after getting the highest score which was assessed through the beauty of the bones, beak, wings, tail (plume) and legs.

He added that previously, Mongkut had been crown champion at the same competition held in Thailand several times and was also crowned champion of the country's Royal Cup.

"Mongkut's participation in the Ayam Ratu competition is not to chase prizes or rewards, but rather to create a reputation to get the breed a more lucrative price," he said.

He added that the offspring produced by Mongkut had been in high demand with prices starting at RM500 for a two-month-old



Crowing with delight: Roshairi Izwan and his LHK breed bird named Mongkut with the trophy that they won in Kota Baru. — Bernama

chick, and even sold to enthusiasts from Kuwait and Indonesia.

Roshairi Izwan said he became interested in raising chickens when he was 10 years old, starting with the Serama chicken, before he switched to the Ayam Ratu in 2016.

He said so far he had about 40 Ayam Ratu with a total purchase price of more than RM20,000, which are farmed on half an acre of land next to his house.

Meanwhile, Kamarudin said the competition could attract visitors to Kelantan and could be developed by the state government considering that it has fans all over the country and even

from Thailand.

Kamarudin said the state government planned to organise more Ayam Ratu competitions next year.

PARK president Kamaruzaman Hassan said the support expressed by the state government would help preserve the arts and cultural heritage of the Kelantan community and allow fans to turn the hobby into an industry that could generate income.

The Ayam Ratu open competition was the biggest event of its kind in Malaysia this year, involving nine categories with fans from all over the country including Johor, Perak, Selangor and Kedah.

Ayam ratu mampu standing serama

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	14	26 Feb

Ayam ratu mampu setanding serama

KOTA BHARU: Persatuan Peminat Ayam Ratu Kelantan (PARK) yakin ayam ratu mampu menjadi popular sekali gus setanding dengan ayam serama pada masa depan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presidennya, Kamaruzaman Hassan berkata, ramalan itu berasas kerana rakyat di negara ini semakin meminati haiwan berkenaan.

Katanya, harga haiwan itu ketika ini sudah mencecah ribuan ringgit dan ada peminat tidak kisah membayarnya kerana keunikannya.

"Ini satu petanda baik bahawa ayam ratu mampu setanding dengan ayam serama yang sudah bertapak sekian lama

dalam kalangan rakyat negara ini.

"Ayam ratu mempunyai keunikan sendiri apabila ia mengambil kira bentuk badan, ekor, bulu dan lain-lain untuk dinilai oleh juri," katanya ketika ditemui semasa Pertandingan Ayam Ratu Antarabangsa 2024 di sini semalam.

Kamaruzaman berkata, pihaknya akan terus menganjurkan lebih banyak pertandingan dalam mempromosikan lagi ayam ratu.

Katanya, ayam ratu mampu menjadi platform dalam mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa melalui pertandingan tersebut.



KAMARUZAMAN Hassan (kiri) melihat proses keputusan juri pada Pertandingan Ayam Ratu Antarabangsa 2024 di Kota Bharu, Kelantan semalam. - UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

Langkah berani USIM ceburi ternakan kambing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	K2	29	26 Feb

Kosmo | ISNIN 26 FEBRUARI 2024

Langkah berani USIM ceburi ternakan kambing

Kampus

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) membuka era baharu dalam industri penternakan kambing melalui kursus penternakan kambing, 'USIM Breeder' di bawah penyeliaan Pusat Keusahawanan Universiti (PKUU).

Kandang yang menempatkan lebih 60 ekor kambing itu dibina dengan keluasan 1 hektar berdekatan Fakulti Sains dan Teknologi (FST), USIM di Nilai, Negeri Sembilan.

Menurut Pengarah PKUU, Prof. Madya Ts. Dr. Sundresan Perumal berkata, projek itu turut mendapat kerjasama daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Jabatan Veterinar serta syarikat alumni USIM iaitu Ghonami Global Enterprise.

Katanya, pelaksanaan projek rintis berkenaan telah dimulakan pada Ogos tahun lalu dan dijangka berakhir pada penghujung Julai depan.

"Antara matlamat projek ini adalah untuk memperkasakan kemahiran bidang penternakan dalam kalangan pelajar serta mendorong mereka menjana pendapatan sendiri.

"Ia juga bertujuan menyokong industri penternakan kambing dengan menyediakan pusat latihan dan kemahiran ternakan menggunakan teknologi 'RFID Tagging' dan 'Precision Breeding'.

"Selain itu, projek ini mengetengahkan kepakaran dalaman USIM bagi pelaksanaan Modul Pengurusan Daging Halal," katanya.

Tambah Sundresan, apa yang menarik, USIM mempraktikkan konsep zero waste farming dalam projek ternakan berkenaan.

"Dalam kata mudahnya, air sisa buangan kambing akan diguna semula untuk siraman rumput yang ditanam khas sebagai makanan kepada haiwan ternakan ini.

"Seramai 80 pelajar yang mengikuti kursus ini akan menjalani latihan berdasarkan enam modul disediakan.

"Antaranya, Modul Pengenalan dan Aspek Ekonomi Ternakan Kambing; Modul Pengurusan Pemakanan Kambing dan Peralatan; Modul Pemilihan Kambing dan Pengurusan Kesihatan; Modul Pembiakan Kambing dan Pengurusan Gerompok; Modul Pemasaran Kambing dan Kawalan Perniagaan serta Modul Pengurusan Daging Kambing Halal," ujarnya.

Ditanya mengenai baka kambing yang digunakan dalam projek tersebut, Sundresan memberitahu, ia merupakan kacukan baka Dorper, Santa Ines dan Barbados Blackbelly.

"Dorper merupakan salah satu baka biri-biri berasal dari benua Afrika (spesifiknya Afrika Selatan).

"Ia merupakan kacukan baka Dorset Horn dan Blackhead Persian Sheep, manakala baka bebiri Santa Ines ini berasal dari Brazil.

"Selain itu, terdapat kambing jenis baka Jammunapari dan kacukan 'boer' yang diternak di kandang kambing ini," katanya.

Sundresan menambah, industri penternakan kambing semakin kurang digemari dan tidak menjadi pilihan generasi muda ketika ini.

"Dengan adanya penglibatan golongan pelajar dalam kursus penternakan kambing ini, ia diharap dapat mencetuskan semangat dan minat mereka dalam bidang ternakan.

"Ini sekali gus mendorong kepada potensi kemajuan kerjaya golongan belia dan meningkatkan kesedaran tentang peluang serta potensi dalam bidang ini," katanya.

TERDAPAT sebanyak 60 ekor kambing sedang diternak oleh pihak PKUU, USIM.

KANDANG kambing dibina di atas tanah berkeluasan 1 hektar berdekatan FST, USIM, Nilai, Negeri Sembilan.

SEBAHAGIAN pelajar USIM mengikuti salah satu modul dalam kursus penternakan kambing, 'USIM Breeder'.






PMR cipta gelombang luar biasa

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Nasional	7	26 Feb

TELUK & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN



Sinar
Harian

NASIONAL 7

ISNIN 26 FEBRUARI 2024 • SINAR HARIAN

PMR cipta gelombang luar biasa

Jumlah pengunjung sepanjang tiga hari melebihi sasaran

Oleh **MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR**
KUALA SELANGOR

Program Madani Rakyat (PMR) Zon Tengah menyaksikan gelombang luar biasa dengan kehadiran ribuan pengunjung sejak jam 9 pagi pada hari ketiga pengajuannya di Kompleks Sukan Kuala Selangor.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati kesesakan lalu lintas berlaku di sekitar jalan memasuki kompleks itu dengan ruang parkir yang disediakan turut penuh sejam selepas acara bermula.

Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Zurihanmi Zakaria berkata, jumlah kehadiran pengunjung ke PMR meningkat dan disifatkan di luar jangkaan.

"Kalau kita lihat pada hari pertama seramai 18,747 pengunjung hadir ke kompleks ini bagi memeriahkan pelbagai aktiviti disediakan.

"Semalam (Sabtu) kita merekodkan 46,531 pengunjung dan pada hari ketiga sehingga jam 5 petang tadi (Ahad), kita telah merekodkan kehadiran seramai 62,420 pengunjung," katanya di Kompleks Sukan Kuala Selangor pada Ahad.

Menurut Zurihanmi, jumlah pengunjung selama tiga hari program berlangsung mencecah seramai 127,698 orang, melebihi sasaran 100,000 pengunjung yang ditetapkan.



Zurihanmi (dua dari kanan) melayani pengunjung di gerai jualan ayam di PMR Zon Tengah.

Jelas beliau, jumlah pengunjung meningkat pada Majlis Perasmian Penutup PMR yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Pada petang ini (Ahad) juga peminat bola sepak membanjiri kompleks sukan untuk mengikuti perlawanan persahabatan bola sepak antara pilihan MB (Menteri Besar) Selangor dan MB Perak," katanya.

Jelas beliau, antara reruai yang mendapat sambutan di PMR Zon Tengah ialah Pavilion KPKM yang menerima kehadiran pengunjung sehingga 30,000 orang pada hari terakhir program tersebut.

Selain itu katanya, pengunjung juga tidak melepaskan peluang untuk berkunjung ke reruai-reruai lain yang disediakan Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan terlibat.

"Kita juga melihat sambutan menggalakkan diterima di kaunter bayaran saman yang dikendalikan oleh PDRM (Polis Diraja Malaysia).



Wakil agensi kerajaan tidak ketinggalan membeli buah potong dari gerai peniaga di PMR Zon Tengah.

REAKSI

“PMR ternyata memberi manfaat kepada rakyat kerana ia peluang kepada rakyat terutama golongan memerlukan membeli barang keperluan pada harga jauh lebih murah berbanding di pasaran dan saya berharap program ini dapat diteruskan pada masa akan datang.”

- Ahli perniagaan, Tee Hock Koon, 50

“Saya amat bersyukur kerana jumlah pengunjung yang singgah ke gerai saya ramai dan di luar jangkaan, sekali gus meningkatkan hasil jualan.”

- Peniaga kerepak, Nur Hashimah Haziqah Mat, 26

“Saya berasa teruja dan bersyukur kerana hasil jualan meningkat tiga atau empat kali ganda daripada biasa dan kalau boleh saya mahu mengikuti PMR di zon seterusnya.”

- Peniaga takoyaki, Siti Noor Ashikin Hhd Disi, 38

"Orang ramai turut bersedak dan beratur panjang untuk mendapatkan topi keledar baharu di reruai yang dikendalikan oleh JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan).

"Bagi Zon Tengah ini, ada sebanyak 34 unit reruai Kementerian, agensi dan kerajaan negeri, 40 gerai jualan makanan dan 30 pengusaha agro serta barang basah disediakan," katanya.

Mengulas mengenai aliran trafik di laluan masuk ke kompleks tersebut, Zurihanmi berkata, kesesakan terkawal dan tidak menyukarkan penduduk.

Ujar beliau, kerjasama baik daripada pelbagai pihak terutama polis, penguat kuasa Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) melancarkan aliran lalu lintas.

"Tambahan pula, kita sediakan trem dan van di kawasan parkir untuk transit bagi memudahkan pengunjung-pengunjung, sekali gus mengurangkan kesesakan," katanya.

Ditanya mengenai sambutan Jualan Agro dan Madani, Zurihanmi berkata, ia mencatatkan jualan melebihi RM500,000 sepanjang tiga hari pengajuannya.

Menurutnya, sudah pasti jualan beras putih 10 kilogram mendapat sambutan daripada pengunjung kerana ia dijual pada harga RM26 sekampit.

"Selain itu, beberapa barangan basah lain seperti ayam dan daging menjadi tumpuan pengunjung kerana ayam seberat 1 hingga 2 kilogram hanya dijual pada harga RM10, manakala daging segar RM30 sekilogram, selain produk buah-buahan tempatan yang kita tawarkan.

"Kita memperuntukkan sehingga 3,000 ekor ayam untuk dijual kepada pengunjung yang singgah di PMR Zon Tengah.

"Kita sentiasa menambah stok bagi membolehkan pengunjung yang datang tidak pulang dengan kecewa," kata Zurihanmi.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam ucapan perasmian berkata, jualan

Enhancing petcare through education

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TheStar	Lifestyle	6	26 Feb

ENHANCING PETCARE THROUGH EDUCATION

By ONG HUEY ERN
hueyern@thestar.com.my

Royal Canin shares ambitious goal by advancing pet care for cats and dogs in Malaysia through education

WITH a focus on continual research, Royal Canin is on a mission to enhance the well-being of pets by providing precise pet health nutrition, drawing on its experience and knowledge in the field.

The company's dedication to pet health traces back to its founder, veterinarian Jean Carthary, who recognised the impact of nutrition on animals' well-being.

One of the avenues through which Royal Canin spreads its message is by targeting a young audience.

Collaborating with Kidzania, Royal Canin aims to educate children about pet care and nutrition in an interactive and enjoyable manner as the brand truly believes that they are the veterinarians of tomorrow.

By instilling a sense of responsibility and compassion towards animals, Royal Canin hopes to contribute to the long-term well-being of cats and dogs.

Through this collaboration, Royal Canin integrates pet care insights into the edutainment landscape, making information on nurturing pets and responsible pet owners accessible to future generations in an engaging manner.

Inducting the young

Royal Canin Malaysia market head Teh Meng Li highlights the interactive nature of this initiative, stating, "Our focus has always been on making learning enjoyable, and this collaboration epitomises that ethos.

"We built an education section within the child-sized city where children can engage in various activities, including playing the role of a vet."



Royal Canin Malaysia market head Teh Meng Li shares the company's commitment to leading the charge in petcare education.

"We hope that this collaboration with Kidzania will contribute to the edutainment landscape for a 'Better World for Pets,'" she elaborates.

Teh also shared the company's commitment to develop professional pet care within the industry, through hosting events like the Vet Symposium that provides a platform for the Pet Professional Community to exchange knowledge and enhance skills through discussions and seminars.

Highlighting the programme's credibili-

ty, Teh comments that: "the Vet Symposium is endorsed by the Malaysian Vet Council and participants are awarded Continuing Professional Development (CPD) points for taking part in this event."

Royal Canin also demonstrates its commitment to professional development within the industry by hosting annual events like the Vet Symposium.

Pet professionals are required to acquire CPD points to stay current in their field.

This ensures that veterinarians continuously enhance their knowledge and skills; points can be obtained by participating in relevant training and workshops.

Business programme for pet shops

In addition to the Vet Symposium, Royal Canin's Pet Shop University programme offers valuable insights into business practices and consumer trends for pet shop owners and staff.

By equipping participants with essential knowledge and resources, this initiative aims to foster business growth while enhancing pet well-being.

Furthermore, Royal Canin collaborates with professional governing organisations like the Malaysian Small Animal Veterinary Association (MSAVA) to promote health through nutrition.

MSAVA is the main organisation for pet practitioners issues and advisor to government bodies relating to pet issues.

In 2023, Royal Canin joined and hosted the MSAVA's National Scientific Congress from Jul 7 to 9, hosting the pre-conference dinner symposium with the topic "Cardiovascular disease: unveil the

unknown".

Moreover, Royal Canin engages directly with pet owners through events like Pet World and the Kucing Expo, offering opportunities to educate and promote responsible pet ownership.

"Drawing in tens of thousands of visitors, these events provide direct opportunities to engage with pet owners and educate them on responsible pet ownership and preventive care.

"We also provided on-site vet assessment during last year's exhibitions as part of our 'Take Your Pets To The Vet' global initiative, reaffirming our dedication to fostering preventive care," she shares.

The upcoming 'Beautiful Pets' campaign will highlight the importance of pets' overall health, emphasising the crucial link between nutrition and pets' health.

This campaign will set the undertone for this year's roadshow and introduce new pet food products addressing hair and skin concerns.

Additionally, the "start of life" initiative will educate pet owners about the importance of nutrition at various stages of a pet's life, emphasising the significance of starting with the right nutrition from the birth to ensure their well-being in later stages.

As Royal Canin continues to expand its educational initiatives and partnerships, the ultimate goal remains unchanged: to raise the nutritional standards and improve the health and well-being of cats and dogs.

Through collaborative efforts and ongoing education, Royal Canin strives to make a lasting impact on the lives of pets and their owners.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR